

1.5j dijangka kunjungi ekspo produk Islam

UM 25 OCT 200

PUTRAJAYA 24 Okt. — Kira-kira 1.5 juta orang dijangka mengunjungi ekspo dan pameran produk Islam sempena Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai esok hingga 31 Oktober ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, jangkakan itu adalah berdasarkan kepada saiz ruang pameran ekspo yang telah habis ditempah.

Selain itu, katanya, pengumuman MPEI yang diadakan serentak dengan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-44 juga dijangka menarik lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara.

"Sebanyak 200 ruang pameran yang disediakan untuk tujuan ekspo dan pameran produk Islam sempena MPEI itu telah habis ditempah.

"Selain beberapa pertandingan, pelbagai hadiah menarik termasuk kereta

dan motosikal yang disediakan untuk pengunjung bertuah juga dijangka menghangatkan lagi sambutan terhadap MPEI," katanya pada sidang akhbar mengenai MPEI di sini hari ini.

Idea untuk menganjurkan MPEI dikemukakan oleh Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah (MPTPU) yang dipengeru-

sikan oleh Abdul Hamid dan dilaksanakan oleh sekretariat MPTPU, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Program yang diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk mendekati produk barang keluaran Islam itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, esok.

Mengulas lanjut, Abdul Hamid berkata, MPEI yang diadakan buat julung kali itu merupakan langkah pertama ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau pameran dan pemasaran barangan negara-negara Islam.

Pada majlis yang sama, Abdul Hamid turut menerima sumbangan hampir RM400,000 daripada beberapa buah syarikat bagi menjayakan MPEI.

Antara syarikat terbabit ialah Bank Islam Malaysia Berhad (RM100,000), Tabung Haji (RM50,000), Permodalan Nasional Berhad (RM50,000) dan syarikat Pembinaan Masrafan (RM50,000).